

PEMUPUKAN SIKAP KEPEDULIAN SOSIAL MENERUSI KERANGKA PENDIDIKAN BERTERASKAN FALSAFAH SEJAHTERA

THE CULTIVATION OF SOCIAL COMPASSION THROUGH THE FRAMEWORK OF FALSAFAH SEJAHTERA-BASED EDUCATION

Norafifah binti Ab Hamid ^{1*}
Nor Azlina binti Abd Wahab ²
Siti Nurul Izza binti Hashim ³
Mahfuzah binti Mohammed Zabidi ⁴
Norhapizah binti Mohd Burhan ⁵

^{1,2,3} Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS), UiTM Melaka

⁴ Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS), UiTM Johor

⁵ Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS), UiTM Pahang

*Corresponding author's email address: norafifah@uitm.edu.my

Article history

Received date : 9-4-2026
Revised date : 10-4-2026
Accepted date : 11-5-2026
Published date : 12-6-2026

To cite this document:

Ab Hamid, N., Abd Wahab, N. A., Hashim, S. N. I.,
Mohammed Zabidi, M., & Mohd Burhan, N. (2026).
Pemupukan sikap kepedulian sosial menerusi
kerangka pendidikan berteraskan falsafah sejahtera.
*Journal of Islamic, Social, Economics and
Development (JISED)*, 11 (83), 948-959.

Abstrak: Pendidikan merupakan suatu usaha berterusan yang menyeluruh dan bersepadu dengan tujuan untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmoni. Usaha mewujudkan insan yang seimbang dan harmoni ini merangkumi empat aspek utama iaitu jasmani, emosi, rohani dan intelek dengan menjadikan kesejahteraan sebagai intipati utama. Kesejahteraan diri merupakan kunci utama untuk melahirkan insan sejahtera yang hasilnya dapat berperanan kepada keluarga, masyarakat dan negara. Sehubungan itu, pemupukan sikap kepedulian sosial menerusi kerangka pendidikan berteraskan Falsafah Sejahtera yang menggabungkan antara Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Rukun Negara dilihat sebagai agen penting dalam melahirkan generasi muda yang bertanggungjawab dan peka terhadap keperluan sosial. Kajian ini bertujuan untuk meneliti konsep pendidikan berteraskan Falsafah Sejahtera dan menganalisis sejauh mana kerangka ini berkesan dalam memupuk sikap kepedulian sosial dalam kalangan generasi muda. Kajian ini bersifat kualitatif dengan menggunakan metode pengumpulan data secara dokumentasi dan metode analisis data berdasarkan analisis kandungan (content analysis). Hasil kajian merumuskan bahawa pendidikan berteraskan Falsafah Sejahtera berperanan penting dalam memupuk sikap kepedulian sosial terhadap diri dan keluarga dan seterusnya memupuk kepedulian sosial terhadap masyarakat dan negara.

Kata Kunci: Kepedulian Sosial, Falsafah Sejahtera, Falsafah Pendidikan Kebangsaan, Rukun Negara

Abstract: *Education is a continuous, comprehensive, and integrated effort aimed at developing balanced and harmonious individuals. This endeavor encompasses four key dimensions physical, emotional, spiritual, and intellectual with well-being as its core essence. Personal well-being is fundamental to producing holistic individuals who can contribute meaningfully to their families, society, and the nation. Accordingly, the cultivation of social compassion through an educational framework grounded in the Falsafah Sejahtera (Philosophy of Sejahtera) which synthesizes the National Education Philosophy and the Rukun Negara is seen as a vital agent in nurturing a younger generation that is both responsible and sensitive to social needs. This study aims to examine the concept of education based on the Falsafah Sejahtera and analyze the extent to which this framework is effective in cultivating social compassion among the youth. This research adopts a qualitative approach, utilizing documentation for data collection and content analysis for data interpretation. The findings conclude that education based on the Falsafah Sejahtera plays a significant role in fostering social compassion towards oneself and the family, and subsequently, in cultivating social compassion towards the community and the nation.*

Keywords: *Social compassion, Falsafah Sejahtera, National Education Philosophy, Rukun Negara*

Pendahuluan

Realitinya proses pendidikan kini berhadapan dengan pelbagai cabaran akibat daripada perkembangan teknologi dunia dan revolusi industri yang berlaku. Kecanggihan teknologi dan sifat keterbukaan globalisasi yang muncul sedikit sebanyak telah mengganggu gugat fitrah kesejahteraan diri individu dan masyarakat yang sewajarnya dinikmati. Tanpa disedari ia juga turut mengikis nilai tanggungjawab dalam diri sehingga lahirnya sikap ketidakpedulian terhadap diri, keluarga, masyarakat dan negara. Sikap ketidakpedulian sosial ini sewajarnya diberi perhatian agar ia tidak menjadi barah kepada masyarakat dan negara. Lebih membimbangkan ia boleh menjadi faktor kepada penggugat keamanan negara. Kajian yang dilaksanakan oleh Sarrunnida Binti Ahmad Zaine & Isrul Hasrita Binti Ismail (2020) ke atas pelajar Politeknik di Malaysia turut membuktikan bahawa pelajar mempunyai pengetahuan yang baik tentang masalah sosial, tetapi menunjukkan tahap sensitiviti, kepedulian, dan tindakan yang rendah untuk terlibat dalam menangani atau menegur isu sosial di persekitaran mereka. Hal ini turut dilihat berkait rapat dengan sikap generasi Z kini. Generasi Z yang sinonim dengan istilah “Millennial,” “Next Generation,” “Echo Boomer” rata-rata lahir antara tahun 1995 hingga 2009 yang masih belajar untuk mengenal kehidupan yang semakin mencabar. Mereka sering terdedah dengan arus perkembangan teknologi sehingga mudah terjebak dengan masalah yang melibatkan krisis tanggungjawab diri (Ahmad Fuad Mohamad Amin et al, 2024).

Sehubungan itu pendidikan dilihat sebagai salah satu aspek penting dalam menangani krisis ini sekaligus dapat memupuk sikap kepedulian sosial dalam kalangan generasi muda kini. Oleh demikian proses pendidikan yang berteraskan kesejahteraan perlu diberi penekanan agar insan-insan yang lahir dari proses tersebut dapat mencapai tahap kesejahteraan yang sebenar. Sehubungan itu pendidikan yang berteraskan Falsafah Sejahtera dilihat berperanan penting dalam konteks masa kini. Pendidikan yang berteraskan Falsafah Sejahtera ini adalah merujuk kepada Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Falsafah Rukun Negara yang menjadi tonggak kepada pendidikan. Hal ini dilihat penting kerana kedua-dua falsafah ini mempunyai matlamat yang jelas dalam melahirkan individu dan masyarakat yang sejahtera seperti yang diidamkan

oleh gagasan Malaysia Madani. Matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan dapat difahami seperti berikut:

“...Pendidikan di Malaysia merupakan satu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis daripada segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara.” (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2024)

Seterusnya Rukun Negara pula adalah merujuk kepada ideologi kebangsaan yang telah diisytiharkan pada sambutan Hari Kemerdekaan 1970 untuk memastikan perpaduan di kalangan rakyat yang berbilang kaum tetap terpelihara dan hidup dalam suasana yang harmoni. Bagi mencapai kesejahteraan yang diidamkan Falsafah Rukun Negara telah menggariskan lima prinsip utama seperti berikut:

- i. Kepercayaan kepada Tuhan
- ii. Kesetiaan kepada Raja dan Negara
- iii. Keluhuran Perlembagaan
- iv. Kedaulatan Undang-undang
- v. Kesopanan dan Kesusilaan

Pemahaman dan penghayatan terhadap Rukun Negara merupakan aspek fundamental dalam pembentukan warganegara yang bertanggungjawab dan harmoni di Malaysia. Namun begitu, pelbagai isu masih timbul berkaitan dengan pelanggaran prinsip Rukun Negara. Terdapat beberapa insiden di mana rakyat Malaysia secara terbuka atau tersirat menghina lambang negara serta menzahirkan ketidakpuasan hati terhadap pentadbiran melalui kritikan yang kurang beretika tanpa mengambil kira implikasi perbuatan tersebut. Isu ini perlu diberi perhatian serius kerana sekiranya generasi muda gagal memahami dan menghayati Rukun Negara, ia boleh memberi kesan jangka panjang kepada perpaduan serta kestabilan negara (Ahmad Fkrudin Mohamed Yusoff, Norfarahi Zulkifli & Azlina Muhammad, 2025).

Sehubungan itu, kesemua matlamat Rukun Negara ini dilandaskan kepada Falsafah Pendidikan Kebangsaan iaitu untuk mengembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang harmonis dan seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek (JERI) bagi mencapai matlamat perpaduan yang diterjemahkan melalui kurikulum pendidikan (Sejarah dan Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan) (Nurfarhana Che Awang & Azmil Tayeb, 2022). Pendidikan yang berteraskan kepada Falsafah Sejahtera ini jelas berdiri dalam konteks keinsanan dan kenegaraan yang bersifat tempatan bagi melahirkan insan dan warganegara yang bertanggungjawab. Konteks keinsanan yang dapat memenuhi keperluan hakikat diri insan merangkumi aspek fizikal, mental dan spiritual manakala konteks kenegaraan yang mementingkan kebebasan, keadilan dan keamanan. Justeru, kertas kerja ini akan menganalisis sejauh mana pendidikan berteraskan Falsafah Sejahtera dapat memupuk sikap kepedulian sosial dalam kalangan generasi kini.

Sorotan Literatur

Lazimnya terdapat tiga cara utama dalam penulisan sorotan literatur iaitu pertama berdasarkan kronologi, kedua berdasarkan tema dan ketiga berdasarkan metodologi. Justeru dalam makalah ini pengkaji memilih cara yang kedua iaitu berdasarkan tema dengan merujuk kepada dua tema utama iaitu sorotan tentang kepedulian sosial dan kedua sorotan tentang Falsafah Sejahtera.

Sorotan tentang kepedulian sosial

Perbincangan mengenai kepedulian sosial ini merangkumi pelbagai aspek antaranya dalam konteks pendidikan, persekitaran, kejiwaan dan usaha kerajaan memperkenalkan program seperti PLKN. Dalam konteks pendidikan antaranya kajian yang berkaitan Pembelajaran Berasaskan Khidmat (PBK). Kaedah Pembelajaran Berasaskan Khidmat (PBK) ini mampu melahirkan pelajar yang mempunyai tanggungjawab sivik, kemahiran sosial dan keperibadian positif. Pada masa kini, banyak sekolah K-12 di Amerika Syarikat sedang melaksanakan PBK yang menggabungkan elemen-elemen perkhidmatan kepada komuniti dengan pengajaran di dalam bilik darjah. Sementara itu PBK dianggap sebagai amalan Pendidikan Berkualiti Tinggi (HIEP) di universiti terkemuka dunia, dan pendekatan ini menggabungkan pembelajaran objektif dengan khidmat masyarakat untuk menyediakan pengalaman pembelajaran yang progresif (Leong Hooi Li, 2024). Malahan pendidikan sivik yang menggunakan kaedah interaktif dan pembelajaran berasaskan khidmat komuniti dilihat jauh lebih berkesan membina kesedaran sosial pelajar berbanding kaedah kuliah pasif (Ku Hasnita Ku Samsu et al, 2021).

Selain itu kajian Nur Shaqirah Md Yunan & Mahadee Ismail (2024) lebih menjurus kepada kesukarelawanan belia. Berdasarkan kajian yang telah dilaksanakan terdapat empat faktor yang menjadi pemangkin kepada pembentukan dan pemupukan jati diri kesukarelawanan belia Malaysia, iaitu persekitaran, pegangan agama, keperluan mendapat pengiktirafan dan ganjaran serta pemahaman. Keempat-empat faktor luaran tersebut bukan sahaja menjadi teras bagi pembentukan dan pemupukan jati diri kesukarelawanan belia, tetapi menjadi asas yang kukuh dalam memperkasa peranan dan sumbangan belia dalam masyarakat. Selain itu, faktor-faktor ini juga berfungsi sebagai motivasi utama yang mendorong belia untuk terus aktif dan komited dalam aktiviti kesukarelawanan. Dengan memahami dan mengoptimumkan faktor-faktor ini, program-program kesukarelawanan dapat dirancang dengan lebih berkesan dan menyeluruh, seterusnya meningkatkan lagi penglibatan belia dalam usaha-usaha kesukarelawanan yang memberi manfaat kepada masyarakat secara keseluruhannya (Nur Shaqirah Md Yunan & Mohd Mahadee Ismail, 2024). Sehubungan itu para belia dilihat perlu menerapkan semangat kesukarelawanan dalam diri. Walaupun kajian ini dilihat memberi fokus kepada aspek kesukarelawanan namun pada hakikatnya ia amat berkait rapat dengan konsep kepedulian sosial. Ini kerana sifat kesukarelawanan merupakan hasil daripada kesedaran terhadap tanggungjawab sosial atau kepedulian sosial (Solihah Haji Yahya Zikri et al, 2022).

Berbeza dengan kajian (Mashitah Sulaiman, Mohd Azmir bin Mohd Nizah & Mohammad Aizuddin bin Abdul Aziz, 2009) yang menyarankan nilai-nilai dan sikap yang perlu ada ke arah membina dan memupuk tanggungjawab sosial. Hal ini pula turut berkait rapat dengan konsep kejiwaan. Hakikatnya Keharmonian sesebuah negara disumbangkan oleh pengurusan yang baik dalam kompenan sosial, ekonomi dan politiknya. Termasuk dalam kompenan penting kesejahteraan negara ini ialah tanggungjawab masyarakat terhadap kerja-kerja kemasyarakatan yang mesti dipupuk dan disemai sebagai suatu budaya yang menjadi teras kemakmuran negara. Individu, keluarga dan institusi atau organisasi merupakan agen sosial penting yang menyumbang segala bentuk aktiviti dalam sesebuah masyarakat. Antara aktiviti tersebut termasuklah aktiviti kejiwaan yang mampu menjadi pemangkin dalam memupuk kemesraan

antara anggota masyarakat sekiranya ia dapat berfungsi dan melaksanakan peranannya dengan baik.

Tidak kurangnya juga dengan peranan PLKN pada suatu ketika dahulu yang dilihat sangat penting dalam memupuk tanggungjawab sosial. Kajian (Kamarudin Ahmad, Mohamad Idris Saleh & Suhana Hamdan, 2003) membuktikan bahawa perlunya kepada hubungan patriotism dan nasionalisme dalam diri setiap warganegara Malaysia. Selain itu kedua-dua modul utama PLKN iaitu Modul Pembentukan Identiti Kebangsaan dan Modul Lambang Negara dilihat berperanan besar dalam meningkatkan pengetahuan serta kemahiran kenegaraan peserta, khususnya dalam memahami konsep jati diri, patriotisme, dan tanggungjawab sebagai warganegara. Penerimaan yang amat positif daripada peserta menggambarkan bahawa pendekatan dan kandungan modul ini relevan dengan keperluan generasi muda masa kini, yang cenderung kepada pengalaman pembelajaran yang bersifat aktif dan bermakna (Nurul Firdauz Abd Rahman et al, 2025).

Justeru berdasarkan perbincangan di atas dapat disimpulkan bahawa perbincangan mengenai kepedulian sosial atau tanggungjawab sosial amat penting untuk terus dikaji agar sikap tersebut dapat disuburkan dalam masyarakat Malaysia sekaligus merealisasikan gagasan Malaysia Madani. Sehubungan itu kajian ini dilihat penting dan ianya masih berbeza dari kajian-kajian yang telah dijalankan sebelum ini. Ini kerana fokus kajian adalah terhadap pembentukan sikap kepedulian atau tanggungjawab sosial berteraskan Falsafah Sejahtera.

Sorotan tentang Falsafah Sejahtera

Sorotan tentang Falsafah Sejahtera merangkumi tiga aspek utama iaitu kajian berkaitan Falsafah Pendidikan Kebangsaan, Rukun Negara dan pendidikan nilai. Berdasarkan kajian Mohamad Johdi Salleh (2022) Falsafah Pendidikan Kebangsaan berwujud dalam membina insan sejahtera, bertaqwa, progresif, inovatif dan profesional. Lebih menarik kajian beliau tidak hanya tertumpu kepada empat komponen jasmani, emosi, rohani dan intelek sahaja tetapi beliau turut mengetengahkan tiga komponen baru iaitu sosialisasi, adab dan hamba-Allah (khalifatullah) dengan menjadikan akronim JERI kepada J.E.R.I.S.A.H. daripada itu jelas bahawa Falsafah Pendidikan Kebangsaan berperanan penting dalam membina insan sejahtera (Mohamad Johdi Salleh, 2022).

Pada satu sudut yang lain pula menunjukkan bahawa masyarakat yang sejahtera dapat dilahirkan menerusi penghayatan terhadap Rukun Negara. Rukun negara dilihat berperanan sebagai medium keharmonian di Malaysia dan ia penting untuk dihayati oleh generasi kini yang akan memimpin negara pada masa hadapan (Nurul Huda Afifah Zambri et al, 2024). Kesedaran ini didapati wujud dalam kalangan para pelajar IPT dan ia dilihat penting dalam menstabilkan politik, ekonomi dan pengendalian pemerintahan demokratik (Ayu Nor Azilah Mohamad, Mohamed Ali Haniffa, Mohd Adib Akmal Ahmad Shatir, 2021).

Selain itu penguasaan ilmu tentang rukun negara yang melibatkan aspek perlembagaan dan undang-undang juga berperanan penting untuk kepimpinan yang lebih baik pada masa hadapan. (Mohd. Azri Ibrahim et al, 2021). Sehubungan itu, kursus Pengajian Malaysia dilihat penting kerana ia dapat berfungsi dalam memberi kesedaran terhadap kepentingan menghayati Rukun Negara (Hadijah Johari & Anas Suzastri Ahmad, 2019). Tidak jauh bezanya dengan kajian yang dijalankan ke atas pelajar teknikal Universiti Malaysia Perlis yang menunjukkan bahawa subjek Hubungan Etnik merupakan subjek penting dalam memberi kesedaran dan kefahaman konsep

Rukun Negara dalam pembentukan masyarakat majmuk yang harmoni dan bertoleransi diantara satu sama lain (Siti Norayy Mohd Basir et al, 2014)

Seterusnya kajian di Malaysia turut menunjukkan perkembangan yang signifikan dalam pendidikan berasaskan nilai. Antaranya kajian Mohd Farhan (2021) mencadangkan pendekatan berasaskan qalbu dengan lima elemen utama sebagai asas pengajaran dan pembelajaran yang berkesan. Lima elemen utama yang perlu diberi penekanan adalah kasih sayang, memahami kehendak murid, pengamalan sunnah, kesucian jiwa, dan keberkatan ilmu. Seterusnya kajian Aemy Liza dan Kamarul Azmi (2023) menghasilkan Model Aspek Nilai Murni dalam Pentaksiran (MANMP) bagi pendidikan Islam. Di samping turut meneliti aspek nilai murni yang diterapkan oleh Guru Pendidikan Islam dalam pentaksiran berasaskan sekolah.

Selain itu pendidikan nilai bukan sahaja dapat diterapkan menerusi Pendidikan Islam tetapi turut dicadangkan menerusi mata Pelajaran lain seperti matematik. Hal ini seperti yang dicadangkan oleh Abdul Rahim dan Azharul Nizam (2009) agar penerapan nilai murni dalam pengajaran matematik menengah rendah diberi perhatian. Di samping menilai tahap kefahaman guru terhadap konsep pendidikan bersepadu dan pelaksanaan penerapan nilai-nilai murni dalam pengajaran matematik di sekolah menengah. Sementara itu kajian Noor Syahida et al. (2021) pula membincangkan tentang Pendidikan 5.0 dengan memberi penekanan terhadap peranan teknologi dalam menyampaikan nilai kepada pelajar.

Hakikatnya Pendidikan nilai merupakan tunjang dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia. Ia bertujuan untuk membina pelajar holistik melalui pembangunan spiritual dan moral. Nilai-nilai ini penting dalam menyeimbangkan kecemerlangan akademik dan pembangunan peribadi. Hal ini seperti yang telah ditegaskan oleh Abdul Rahman Md Aroff (2014) menerusi kajian beliau. Begitu juga dengan kajian Hamzah dan Abdullah (2021) yang membuktikan bahawa pendidikan yang berteraskan nilai Islam memberi impak kepada pembentukan keperibadian pelajar. Sementara itu Noor Syahida Md Soh et al. (2021) melihat bahawa Pendidikan 5.0 membawa paradigma baharu yang menekankan penggunaan teknologi sebagai alat penyampaian nilai murni. Pendekatan ini membantu melahirkan pelajar yang bukan sahaja mahir teknologi tetapi juga beretika dan berakhlak tinggi. Hal ini turut dilihat penting bagi menangani gejala sosial dalam kalangan remaja. Ini kerana pendidikan akhlak memberi kesan ketara terhadap pengurangan masalah sosial pelajar seperti yang disyorkan oleh Nor Anisa et al. (2023) menerusi kajian beliau. Selain itu beliau turut mencadangkan penggunaan program SUMUR (Sahsiah Unggul Murid) dalam membentuk jati diri pelajar yang kukuh.

Selain itu Barone dan Bajunid (2008) mendapati bahawa persepsi elit pendidikan di Malaysia melihat pendidikan nilai sebagai asas penting bagi perpaduan nasional. Ia merupakan langkah penting bagi menangani isu sosial dalam kalangan belia. Bukan sekadar itu malahan ia turut bereranan dalam menyumbang kepada kelestarian tamadun. Melalui penerapan nilai seperti keadilan dan integriti, masyarakat dapat dibina dengan asas yang kukuh serta berdaya tahan terhadap cabaran moden (Berghout dan Saoudi, 2018).

Berdasarkan perbincangan di atas dapat disimpulkan bahawa perbincangan mengenai Falsafah Sejahtera amat penting untuk terus dikaji dan didalami agar masyarakat kini dapat membentuk sikap kepedulian atau tanggungjawab terhadap diri, keluarga, masyarakat dan negara. Sehubungan itu kajian ini dilihat penting dan ianya masih berbeza dari kajian-kajian yang telah dijalankan sebelum ini. Ini kerana fokus kajian ini adalah ke atas peranan Falsafah Sejahtera dalam membentuk sikap kepedulian sosial yang tinggi.

Metodologi Kajian

Kajian ini berasaskan pendekatan kualitatif menggunakan reka bentuk analisis kandungan. Kajian ini bersifat sistematik yang melalui proses terancang bagi memastikan maklumat perincian kajian menjadi tepat. Pemilihan artikel melalui tiga sub saringan utama iaitu pengenalan (identifikasi), pemeriksaan (screening) dan kelayakan (eligibility). Bagi memudahkan hasil carian, pengkaji mempelbagaikan keywords yang diguna pakai. Mohamed Shaffril et al. (2020) juga menyatakan dalam proses memperluaskan hasil carian, cubaan perkataan yang sama erti (sinonim) mahupun perkataan yang ada kaitan (related) dengan tajuk kajian dapat membantu mengenalpasti artikel yang berkaitan dengan objektif kajian. Sehubungan itu, beberapa kata kunci utama telah digunakan iaitu pendidikan, falsafah pendidikan, FPN, FPK, falsafah sejahtera, rukun negara, kepedulian sosial, tanggungjawab sosial, anti sosial, kesedaran sivik, kenegaraan, pendidikan nilai dan pembelajaran berasaskan khidmat. Seterusnya kajian ini menyaring artikel-artikel dengan mengecilkan skop pencarian iaitu hanya kajian di Malaysia sahaja yang diberi fokus. Penyelidik perlu memutuskan dan menerangkan kriteria secara eksplisit dalam memilih dan memutuskan artikel yang ingin diguna agar fokus penelitian tertumpu kepada obektif dan matlamat penulisan (Okoli, 2015). Berdasarkan artikel yang dipilih, penyelidik membatasi pencarian artikel bermula tahun 2000 sehingga tahun 2026. Proses kelayakan ini dilakukan setelah pemeriksaan artikel diasingkan. Setelah itu, pengkaji melanjutkan proses dengan membaca abstrak artikel. Maklumat umum yang disusun merangkumi tahun penerbitan, jenis kajian, jenis analisis (kualitatif, kuantitatif atau campuran) dan dapatan kajian. Kemudian artikel yang terkumpul digunakan bagi menjawab persoalan kajian ini. Keseluruhan artikel telah dipastikan relevan dengan tajuk dan objektif kajian. Proses analisis dilakukan secara manual bagi menjawab semua persoalan kajian.

Hasil Dan Perbincangan Kajian

Kepedulian sosial atau tanggungjawab sosial boleh ditakrifkan sebagai suatu kepercayaan bahawa fungsi sesebuah organisasi, masyarakat atau seseorang individu sebagai pembuat keputusan seharusnya berasaskan kepentingan sosial dan ekonomi masyarakat. Konsep ini merujuk kepada perbuatan memilih dan mengambil tindakan yang dapat memberikan manfaat dan kesejahteraan kepada masyarakat. Sehubungan itu setiap individu dalam masyarakat perlu mendukung tanggungjawab sosial dan mempunyai kawalan sendiri masing-masing sama ada berbentuk kesedaran dalaman mahupun luaran. Kawalan dalaman lebih berbentuk kepada kawalan terhadap diri sendiri dengan melibatkan akal fikiran, hati, perasaan dan nafsu manakala kesedaran luaran melibatkan dunia luar diri seperti masyarakat, peristiwa dan unsur-unsur fizikal (Ahmad Zamil Abd Khalid et al., 2021).

Pada satu sudut yang lain sejahtera pula berkait rapat dengan pengurusan diri individu daripada segi intrinsik dan diseimbangkan dengan ekstrinsik. Intrinsik merupakan dorongan dalaman yang kuat daripada diri individu untuk melakukan sesuatu tugas atau sesuatu perkara atas rasa tanggungjawab sebagai seorang hamba dan khalifah Allah SWT. Manakala ekstrinsik pula ialah sokongan luaran yang diterima daripada pelbagai pihak sebagai penghargaan atas segala sumbangan dan komitmen yang dilaksanakan oleh setiap individu (Asmaa' Mohd Arshad et al., 2024).

Sehubungan itu, pendidikan berteraskan falsafah yang menjadikan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Falsafah Rukun Negara sebagai kerangka asas dilihat berperanan penting dalam proses pemupukan sikap tanggungjawab sosial kerana kedua-dua falsafah ini mengandungi unsur dalaman dan luaran bagi mencapai tahap masyarakat sejahtera yang

diidamkan sekaligus merealisasikan gagasan Malaysia Madani. Justeru pendidikan berteraskan falsafah berperanan dalam memupuk dua aspek utama tersebut:

Memupuk kepedulian sosial terhadap diri sendiri dan keluarga

Pembentukan sikap tanggungjawab atau kepedulian terhadap diri dan keluarga ini dilihat dapat dicapai pertamanya menerusi Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Falsafah Pendidikan Kebangsaan mempunyai dua jenis matlamat; matlamat umum yang bersifat universal dan matlamat khusus. Matlamat utama FPK adalah untuk “melahirkan insan yang seimbang dan harmonis daripada segi intelek, rohani, emosi, dan jasmani”. Matlamat kedua adalah untuk “melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara”. Peranan utama pendidikan adalah untuk membantu memastikan bahawa setiap insan yang dididik dalam sistemnya akan berjaya menghadapi keseimbangan dan keharmonian dalam dirinya. Natiujahnya para pelajar akan mencapai keseimbangan antara empat dimensi penting dalam kehidupan mereka iaitu dimensi pemikiran dan keilmuan yang membabitkan peranan akal, dimensi kerohanian yang membabitkan peranan roh, dimensi emosi, dan dimensi kejasmanian yang membabitkan peranan jasad dan jiwa (Asmaa' Mohd Arshad et al., 2024). Rentetan keseimbangan antara jasmani, emosi, rohani dan intelektual yang terbentuk dalam diri individu ini secara tidak langsung dapat memenuhi kriteria tanggungjawab terhadap diri dan keluarga seperti yang telah diamanahkan Tuhan.

Dalam konteks Falsafah Rukun Negara pula masyarakat Malaysia seharusnya dididik agar menghayatinya agar ia tidak menjadi sekadar hiasan di bibir dan dihafal untuk ikrar sahaja tanpa memahami dan mempraktikkannya dalam kehidupan seharian. Hal ini penting agar dapat meningkatkan jati diri masyarakat majmuk di negara ini. Memetik kata-kata Tun Abdul Razak:

“Rahsia kesempurnaan Rukun Negara adalah dengan amalannya. Tanpa amalan Rukun Negara akan menjadi secebis dokumen yang tidak mempunyai makna”.
(Asmaa' Mohd Arshad et al., 2024)

Sehubungan itu prinsip pertama Rukun Negara iaitu kepercayaan kepada Tuhan perlu dihayati dan dipraktikkan oleh setiap individu bagi memenuhi keperluan sebagai seorang warganegara yang bertanggungjawab. Kepercayaan atau pegangan agama merupakan perkara asas dalam diri setiap individu. Berdasarkan kepada prinsip bertuhan tersebut ia dapat mendorong individu untuk hidup dalam keadaan aman dan saling menghormati antara satu sama lain. Nilai-nilai universal yang diterapkan dalam agama yang dianuti pastinya akan melahirkan individu yang bertanggungjawab dan peduli kepada diri dan keluarga.

Justeru peruntukan Perlembagaan Persekutuan terhadap Perkara 3 tentang Islam sebagai Agama Persekutuan dan agama lain boleh diamalkan secara aman wajar dihayati oleh setiap warganegara. Berteraskan kepada prinsip ini maka akan lahirlah individu yang peduli dan bertanggungjawab kepada diri dan keluarga seterusnya masyarakat dan negara. Daripada itu segala tanggungjawab atau perintah Tuhan ke atas diri dan keluarga akan dilaksanakan dengan penuh amanah. Jelas tidak dapat dinafikan bahawa pendidikan berteraskan falsafah memainkan peranan penting dan dapat membentuk sikap kepedulian sosial atau tanggungjawab sosial dalam diri individu yang menghayatinya.

Memupuk kepedulian sosial terhadap masyarakat dan negara

Hakikatnya pembentukan sikap kepedulian sosial atau tanggungjawab sosial terhadap masyarakat dan negara ini sangat berkait rapat dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Falsafah Rukun Negara. Sewajarnya setiap individu yang mengikuti proses dan sistem pendidikan di Malaysia akan diterapkan dengan kedua-dua nilai falsafah ini. Ini kerana secara dasarnya kedua-dua falsafah ini bukan hanya bermatlamatkan individu tetapi lebih jauh dari itu adalah bermatlamatkan kepada masyarakat dan negara. Justeru menerusi pendidikan berteraskan falsafah sejahtera yang bertonggakkkan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Falsafah Rukun Negara ini maka akan terbentuknya sikap kepedulian sosial terhadap masyarakat dan negara.

Pembentukan sikap kepedulian sosial terhadap masyarakat dan negara ini dapat dicapai menerusi matlamat kedua Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang lebih merujuk kepada konteks masyarakat khususnya negara Malaysia. Falsafah Pendidikan Kebangsaan mempunyai tujuan amali iaitu untuk melahirkan rakyat Malaysia yang mempunyai ciri-ciri berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri dan memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara. Matlamat kedua Falsafah Pendidikan Kebangsaan merupakan hasil aplikasi prinsip-prinsip universal yang terkandung dalam matlamat pertamanya kepada konteks masyarakat dan negara Malaysia (Asmaa' Mohd Arshad et al., 2024). Daripada itu jelas bahawa pendidikan yang berjaya melahirkan insan yang seimbang antara jasmani, emosi, rohani dan intelektual akan dapat membentuk individu atau warganegara yang bertanggungjawab terhadap masyarakat dan juga negara.

Seterusnya pemupukan sikap kepedulian sosial terhadap masyarakat dan negara ini dapat dicapai menerusi penghayatan Falsafah Rukun Negara yang menekankan prinsip Ketaatan kepada Raja dan Negara, Keluhuran Perlembagaan, Kedaulatan Undang-undang, terakhir Kesopanan dan Kesusilaan. Secara umumnya perlu difahami bahawa Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong adalah sebagai Ketua Negara. Selaras dengan kedudukan Yang di-Pertuan Agong sebagai Raja mengikut perlembagaan. Manifestasi kesetiaan kepada Seri Paduka Baginda, Raja-raja dan Yang Di-Pertua Negeri ialah setiap warganegara hendaklah mencurahkan sepenuh taat setia, jujur dan ikhlas kepada semua raja yang memerintah negeri termasuk memberi kesetiaan penuh terhadap Yang di-Pertuan Agong sebagai Ketua Negara. Kewujudan institusi raja di Malaysia perlu difahami dengan jelas oleh seluruh lapisan masyarakat tanpa mengira agama, bangsa, umur dan latar belakang sosioekonomi (Asmaa' Mohd Arshad et al., 2024).

Begitu juga dengan prinsip Keluhuran Perlembagaan dan Kedaulatan Undang-undang. Perlembagaan Negara ialah sumber perundangan yang tertinggi yang menjadi sumber dan punca kepada semua undang-undang. Perlembagaan ini berfungsi untuk memberi perlindungan kepada setiap rakyat dalam negara berkaitan hak dan keistimewaan sebagai warganegara Malaysia. Perlembagaan Negara telah digubal berasaskan kesepakatan kaum dan semua pihak di negara ini. Ia merupakan kontrak sosial rakyat yang tidak boleh dipersoalkan dan diganggu oleh individu atau mana-mana pihak (Asmaa' Mohd Arshad et al., 2024). Manakala Prinsip Kedaulatan Undang-undang perlu difahami sebagai kuasa tertinggi yang mesti dihormati dan dipatuhi oleh semua pihak atau lapisan masyarakat. Prinsip kedaulatan undang-undang mengandungi dua perkara umum. Pertama, kuasa yang dilaksanakan oleh kerajaan hendaklah mempunyai asas atau disandarkan kepada sumber yang sah (legitimate) yang menjadikannya sistem yang mendaulatkan undang-undang (a government of law) bukan sistem yang

mendaualatkan individu (a government of men). Kedua, badan kerajaan hendaklah bertindak mengikut undang-undang yang mengandungi piawaian keadilan yang diterima oleh masyarakat bersandarkan nilai-nilai tertentu yang disepakati dalam pengisian perlembagaan (Shamrahayu Ab Aziz, 2015).

Terakhir prinsip Kesopanan dan Kesusilaan yang juga merupakan aspek penting dalam pembentukan sikap kepedulian terhadap Masyarakat dan negara. Selaras dengan tujuannya adalah untuk membentuk warga negara yang bersopan santun dan berupaya menjaga tatasusila pada setiap masa. Prinsip ini menjadi panduan supaya perilaku masyarakat sentiasa terpelihara dan berkembang sesuai dengan keperibadian bangsa dan nilai-nilai murni. Selain itu ia juga merupakan kawalan bagi membendung usaha memanipulasi isu perpaduan dan perkauman yang dilakukan oleh individu yang tidak bertanggungjawab (Asmaa' Mohd Arshad et al., 2024). Kemunculan pelbagai isu di media sosial masa kini yang meruntuhkan adab kesopanan sebagai warganegara dengan berbahasa kasar, memaki hamun, membuka aib dan sebagainya dilihat berkait rapat dengan kegagalan terhadap penghayatan prinsip ini. Justeru penghayatan terhadap prinsip ini perlu diberi penekanan dalam pendidikan yang berlangsung.

Daripada itu jelas bahawa pendidikan yang berteraskan kepada Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Falsafah Rukun Negara ini sewajarnya dihayati dalam konteks pendidikan masa kini agar generasi yang dilahirkan benar-benar memahami hakikat tanggungjawab sebagai seorang warganegara. Bukan sekadar itu tetapi juga dapat menjadi warganegara yang baik dan berperanan dalam mensejahterakan masyarakat dan negara. Tambahan dalam konteks kini yang terpaksa berhadapan dengan pelbagai ancaman dan serangan ideologi yang boleh menggugat pegangan atau jatidiri sebagai seorang warganegara Malaysia yang taat dan setia.

Kesimpulan

Berdasarkan perbincangan di atas dapat dinyatakan bahawa pendidikan merupakan proses penting dalam memupuk sikap individu dan Masyarakat dalam sesebuah negara. Oleh demikian pendidikan yang dirancang perlu disertai dengan falsafah dan matlamat yang jelas untuk kesejahteraan individu, masyarakat dan negara. Sehubungan itu pendidikan yang berteraskan Falsafah Sejahtera dengan menjadikan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Falsafah Rukun Negara sebagai tonggak utama dilihat berperanan penting dalam konteks pendidikan di Malaysia. Penghayatan terhadap kedua-dua nilai falsafah ini dilihat penting dalam usaha memupuk sikap kepedulian sosial terhadap diri sendiri, keluarga, masyarakat dan negara. Sikap kepedulian sosial atau tanggungjawab sosial ini merupakan sikap penting yang perlu wujud dalam setiap diri warganegara bagi menjamin kesejahteraan sebuah masyarakat dan negara. Hal ini sekaligus dapat merealisasikan gagasan masyarakat Malaysia Madani kerana hakikat kegemilangan sebuah peradaban turut bergantung kepada sikap masyarakat didalamnya.

Rujukan

- Abdul Rahim Hamdan, & Azharul Nizam Zahari. (2009). *Konsep Pendidikan Bersepadu Serta Penerapan Nilai-Nilai Murni Dalam Pengajaran Matematik Menengah Rendah*. <https://eprints.utm.my/10466/>
- Abdul Rahman Md Aroff. (2014). *Values Education and the Malaysia Education Blueprint*. Retrieved from ResearchGate
- Aemy Liza Minhat, & Kamarul Azmi Jasmi. (2023). *Values in School-Based Assessment on Islamic Education*. ResearchGate. <https://www.researchgate.net/publication/374807915>
- Ahmad Fkrudin Mohamed Yusoff, Norfarahi Zulkifli & Azlina Muhammad. (2025). Konsep Rukun Negara Melalui Pengajaran dan Pembelajaran Kursus Falsafah dan Isu Semasa di Politeknik. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities Volume 10, Issue 3*.
- Ahmad Fuad Mohamad Amin et al. (2024). TREND PERSEKITARAN SOSIAL DAN IMPLIKASI TERHADAP TANGGUNGJAWAB DIRI REMAJA GENERASI Z. *Journal of Islamic Social Sciences and Humanities*.
- Ahmad Zamil Abd Khalid et al. (2021). *Penghayatan Etika dan Peradaban*. Sintok: UUM Press.
- Asmaa' Mohd Arshad et al. (2024). *Falsafah dan Isu-su Semasa*. Shah Alam: UiTM Press.
- Ayu Nor Azilah Mohamad, Mohamed Ali Haniffa, Mohd Adib Akmal Ahmad Shatir. (2021). Rukun Negara Medium Keharmonian Di Malaysia: Tinjauan Dalam Kalangan Pelajar Institusi Pengajian Tinggi Di Malaysia. *JURNAL SULTAN ALAUDDIN SULAIMAN SHAH VOL 8 BIL 2*.
- Barone, T. N., & Bajunid, I. A. (2008). *Elite Perceptions of Values Education in Malaysia and the Pacific Rim*. Retrieved from ResearchGate
- Berghout, A., & Saoudi, O. (2018). *Importance of Value-Based Education on Civilisational Development*. *Journal of Education and Social Sciences*, 11(1), 30–36. Retrieved from JESOC
- Hadijah Johari & Anas Suzastri Ahmad. (2019). Persepsi terhadap konsep Rukun Negara melalui pengajaran. *PERSIDANGAN ANTARABANGSA SAINS SOSIAL & KEMANUSIAAN (PASAK) 2019*.
- Hamzah, N., & Abdullah, H. (2021). *Pendidikan Nilai-Nilai Islam dalam Pembentukan Keperibadian Murid*. *Jurnal Peradaban Melayu*, 16(1), 45–56. Retrieved from UPSI eJournal
- Kamarudin Ahmad, Mohamad Idris Saleh & Suhana Hamdan. (2003). MENGENALPASTI HUBUNGAN ANTARA PATRIOTISME DAN NASIONALISME DENGAN SEMANGAT KESUKARELAWAN, TANGGUNGJAWAB SOSIAL, PENGHARGAAN KENDIRI DAN PERSEPSI TERHADAP PLKN. *PROCEEDINGS OF THE THIRD SEMINAR ON NATIONAL RESILIENCE*.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2024, Ogos 20). Retrieved from <https://www.moe.gov.my/index.php/falsafah-pendidikan-kebangsaan>
- Ku Hasnita Ku Samsu et al. (2021). Approach in Strengthening Patriotism among Students Through Patriotism-Based Courses. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*.
- Leong Hooi Li. (2024). *Reka Bentuk Pembelajaran Berasaskan Khidmat untuk Pendidikan Moral Sekolah Menengah*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Mashitah Sulaiman, Mohd Azmir bin Mohd Nizah & Mohammad Aizuddin bin Abdul Aziz. (2009). MEMUPUK KESEDARAN TANGGUNGJAWAB SOSIAL MELALUI SEMINAR KEBANGSAAN KEMAHIRAN INSANIAH DAN KERJA SOSIAL, MELAKA. Melaka.

- Mohd Farhan Abd Rahman. (2021). *Aplikasi Nilai-Nilai Berasaskan Qalbu dalam Proses Pendidikan*.
<https://unimel.edu.my/journal/index.php/JULWAN/article/download/915/731>
- Mohamad Johdi Salleh. (2022). Falsafah Pendidikan Kebangsaan Paradigma J.E.R.I.S.A.H. *Jurnal Dunia Pendidikan Vol 4 No 1*.
- Mohd. Azri Ibrahim et al. (2021). *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED) Vol 6 Issue 38*.
- Mohamed Shaffril, H. A., Ahmad, N., Samsuddin, S. F., Samah, A. A., & Hamdan, M. E. (2020). Systematic literature review on adaptation towards climate change impacts among indigenous people in the Asia Pacific regions. *Journal of Cleaner Production*,
- Noor Syahida Md Soh, Huzaimah Ismail, Faridah Mohd Sairi, & Mohd Annas Shafiq Ayob. (2021). *Nilai Murni dalam Pendidikan 5.0*.
<https://jqss.usim.edu.my/index.php/jqss/article/download/109/75/567>
- Noor Syahida Md Soh, Huzaimah Ismail, Faridah Mohd Sairi, & Mohd Annas Shafiq Ayob. (2021). *Nilai Murni dalam Pendidikan 5.0*. *Journal of Quranic and Social Studies*, 5(1), 15–22. Retrieved from USIM
- Nor Anisa, M. A., Azlan, H. H., & Rani, N. S. A. (2023). *Kepentingan Pendidikan Akhlak dalam Kalangan Pelajar di Sabah*. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 8(65), 83–94. Retrieved from IJEP
- Nurfarhana Che Awang & Azmil Tayeb. (2022). Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) dan Konsep Kewarganegaraan Inklusif: Antara Normatif dan Realiti Suatu Kajian Komprehensif. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities Vol 7 Issue 5*.
- Nur Shaqirah Md Yunan & Mohd Mahadee Ismail. (2024). FAKTOR LUARAN YANG MENJADI PEMANGKIN KEPADA PEMBENTUKAN DAN PEMUPUKAN JATI DIRI KESUKARELAWANAN BELIA MALAYSIA. *E-Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial & Kemanusiaan kali ke-9 (PASAK9 2024)*.
- Nurul Firdauz Abd Rahman et al . (2025). Keberkesanan Modul Kenegaraan PLKN dalam Memupuk Identiti. *Jurnal Perspektif Jil. 17 Bil. 2* , 147-158.
- Nurul Huda Afiqah Zambri et al. (2024). Keharmonian Negara Malaysia Melalui Rukun Negara: Tinjauan Terhadap Mahasiswa Politeknik Ungku Umar. *Jurnal*
- Okoli, C. (2015). A guide to conducting a standalone systematic literature review. *Communications of the Association for Information Systems*, 37(1), 879–910.
HYPERLINK "https://doi.org/10.17705/1cais.03743"
<https://doi.org/10.17705/1cais.03743>
- Sarrunnida Ahmad Zaine, & Isrul Hasrita Binti Ismail. (2020). PERSEPSI PELAJAR TERHADAP MASALAH SOSIAL: SUATU KAJIAN DI POLITEKNIK MALAYSIA. *Jurnal Kejuruteraan, Teknologi and Sains Sosial (JKTSS)*, 6(1).
- Shamrahayu Ab Aziz. (2015). *Kedaulatan Undang-undang*. Retrieved from Institut Kefahaman Islam Malaysia: ikim.gov.my
- Siti Norayu Mohd Basir et al. (2014). Persepsi Pelajar Terhadap Konsep Rukun Negara Melalui. *Journal of Human Development and Communication Vol 3*.
- Solihah Haji Yahya Zikri et al. (2022). Penglibatan Belia Dalam Aktiviti Kesukarelawan Di Malaysia : Sumbangan dan Peranan. *Conference Science, Ethics & Civilization (KONSEP)*.